

## Pulau Pinang kekal destinasi pelaburan utama

Pulau Pinang mencatatkan pelaburan dilulus berjumlah RM8.8 bilion dalam sektor pembuatan pada suku pertama 2019, sekali gus mengekalkan reputasi negeri itu sebagai satu daripada destinasi pelaburan utama di negara ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Zabidi Mahyar, berkata pelaburan itu adalah 780 peratus lebih tinggi berbanding RM1.0 bilion diluluskan pada tempoh sama tahun lalu.

"Daripada jumlah ini, RM8.5 bilion adalah daripada pelaburan asing mewakili 42.1 peratus daripada jumlah pelaburan langsung asing (FDI) dilulus Malaysia dalam sektor pembuatan bagi Januari hingga Mac 2019.

"Projek pembuatan dilulus utama di Pulau Pinang termasuk projek membabitkan Micron Technology and Jabil Circuit," katanya ketika berucap pada Seminar Domestik Pulau Pinang, di Georgetown, semalam.

Menurut Zabidi, untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan, MIDA terus menjalankan pelbagai aktiviti dan program untuk membuka ruang bagi pertumbu-



Pulau Pinang catat pelaburan dilulus RM8.8 bilion dalam sektor pembuatan pada suku pertama 2019.

(Foto Hiasan)

han seterusnya, terutama dalam kalangan pemain domestik.

"Pada 2018, MIDA menubuhkan pasukan khusus yang dinamakan Platform Penyelarasan Pelaburan (ICP) untuk memudahkan syarikat mengembangkan perniagaan mereka dan portfolio pelaburan.

"Unit ini bekerjasama rapat de-

ngan firma penasihat ekuiti dan korporat, serta pengawal selia dan penyedia teknologi tempatan, dalam membantu syarikat mengadakan padanan perniagaan-kepada-perniagaan, pengumpulan modal menerusi hutang dan ekuiti, penggabungan dan pengambilalihan, penjualan dan penyena-

raian awam awal atau tawaran awam permulaan (IPO)," katanya.

Bellau berkata, Pulau Pinang secara konsisten disenarai sebagai antara destinasi pelaburan utama di negara ini kerana dari 1980 hingga 2018, MIDA meluluskan 4,084 projek pembuatan de-

ngan pelaburan bernilai RM129.1 bilion.

Projek ini mewujudkan lebih daripada 380,000 peluang pekerjaan, terutama dalam industri elektrik dan elektronik, mesin dan peralatan dan produk logam fabrikasi.

BERNAMA